

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PERWAKILAN CUEPACS YANG KE 17

TEMPAT: HOTEL FEDERAL, KUALA LUMPUR

TARIKH: 20 OCT 1986

MASA:

En. Ragunathan,
Presiden CUEPACS;
Ahli-Ahli Jawatankuasa CUEPACS;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak CUEPACS kerana menjemput saya untuk merasmikan Persidangan Perwakilan CUEPACS yang ke-17 ini.

2. Saya berasa gembira kerana sekali lagi dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini untuk berkenal-kenalan dan seterusnya dapat memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh tuan-tuan dan puan-puan. CUEPACS, yang mempunyai jumlah ahli kira-kira 150,000 orang kakitangan Kerajaan, boleh memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan corak dan arah perjuangan kesatuan sekerja dalam sektor awam di negara ini.

3. Saya berasa bangga kerana CUEPACS sekarang sudah kembali kepada peranannya sebagai kesatuan sekerja dan tidak lagi menjadi badan politik atau membenarkan dirinya diperalatkan untuk tujuan politik. Di mana juga kesatuan sekerja diperalatkan untuk tujuan politik, kita dapati kepentingan pekerja akan diketepikan. Dan jika parti politik itu berjaya sehingga menjadi Kerajaan, maka kesatuan dan pekerja akan ditindas terus. Kita boleh lihat perkara ini berlaku jika kita mengkaji beberapa buah negara dekat dan jauh di mana parti politik telah memperolehi kuasa 'riding on the backs of trade unions'.

4. Saya percaya sikap kepimpinan baru CUEPACS yang lebih realistik seperti yang ditunjukkan dalam rundingan baru-baru ini dengan pihak Kerajaan, adalah kerana CUEPACS dapat melepaskan diri daripada orang-orang yang mempunyai niat lain. Tidak ada lagi perbuatan bersetuju di dalam dan tidak bersetuju di luar yang telah menyebabkan kepincangan dan konfrantasi dalam perhubungan perusahaan di sektor awam. Mungkin ada setengah-setengah daripada pekerja yang berpendapat bahawa pemimpin kesatuan sekerja tidak menjadi pemimpin jika ia tidak bermusuh dengan majikan. Saya berpendapat bahawa anggapan ini tidak berasas. Sementara kita harus mempertahankan hak dan tuntutan, kita tidak perlu bermusuh. Kejayaan bukan sahaja boleh dicapai melalui konfrantasi. Sebenarnya sikap adversarial atau

bermusuh-musuhan kerap kali menggagalkan perjuangan.

5. Sekaligus kepemimpinan baru CUEPACS mungkin nampak tidak bermaya. Tetapi, sebenarnya di zaman kemelesetan ini tidak mungkin ada pemimpin yang boleh membawa kejayaan kepada mana-mana tuntutan kesatuan sekerja dengan sepenuhnya. Hakikat ini perlu diterima oleh semua pihak.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Ingin saya menyebut secara berterus-terang di sini tentang kedudukan ekonomi negara dan kedudukan kewangan Kerajaan untuk menjelaskan mengapa tidak akan ada pemimpin CUEPACS yang boleh menjayakan tuntutan gaji pada waktu ini.

7. Kerajaan mendapat hasil yang terbesar daripada cukai korporat dan cukai pendapatan. Asas cukai korporat ialah keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan syarikat. Jika syarikat tidak memperolehi keuntungan, maka tidak akan ada cukai yang boleh dikutip.

8. Keuntungan ialah lebih harga jualan daripada kos keseluruhannya. Apabila kos melebihi harga jualan, tidak ada untung dan tidak ada cukai yang boleh dikutip.

9. Hari ini kos pengeluaran bijih timah dan kelapa sawit melebihi harga jualan. Ini bermakna tidak ada cukai yang dapat dikutip melainkan daripada beberapa syarikat yang tinggi produktivitinya dan masih boleh mendapat keuntungan. D daripada perusahaan getah dan balak, keuntungan adalah terlalu rendah sehingga cukai yang didapati oleh Kerajaan cuma sedikit sahaja. Minyak petroleum masih menguntungkan, tetapi keuntungan ini sudah berkurangan kerana harganya turun daripada \$30 dolar U.S. setong kepada \$10 dolar U.S. setong.

10. Dengan kurangnya penjualan bahan-bahan mentah yang menjadi punca 50% daripada pendapatan negara, perbelanjaan semua orang yang bergantung kepada perusahaan-perusahaan ini juga turut berkurangan. Dengan itu perniagaan-perniagaan lain juga terjejas dan cukai pendapatan yang dibayar oleh individu dan syarikat turut berkurangan.

11. Dalam keadaan ini pendapatan Kerajaan daripada semua punca sudah berkurangan. Sebaliknya, perbelanjaan mengurus meningkat tiap-tiap tahun kerana kenaikan tahunan atau yearly increment dan pencen yang terpaksa dibayar.

12. Untuk mengurangkan perbelanjaan, kita telah menghentikan pengambilan kakitangan yang baru. Ini bermakna mereka yang tidak berpeluang bekerja, terpaksa mengorbankan peluang mereka untuk membantu Kerajaan membayar gaji kepada yang sudah bekerja. Kita juga telah mengurangkan belanja pembangunan yang mana ini bermakna rakyat terpaksa mengorbankan kepentingan mereka untuk menolong Kerajaan membayar gaji dan elaun kakitangannya.

13. Tetapi pendapatan Kerajaan masih juga menurun dan akan sampai kepada peringkat yang kita mesti berhutang untuk membayar gaji. Inilah yang dimaksudkan dengan defisit dalam akaun semasa atau deficit in the current account. Siapa juga faham bahawa jika kita berhutang untuk belanja yang hangus, lambat laun kita akan menjadi papa dan abdi kepada orang yang memberi hutang. Sebagai sebuah negara, kebebasan kita akan terjejas dan kita akan terpaksa mengikut telunjuk bank-bank di dunia dan negara-negara yang kaya mengenai pengurusan ekonomi kita. Dalam usaha mereka mendapat balik wang mereka, tekanan akan ditumpukan kepada pengurangan perbelanjaan kita. Tidaklah mustahil jikalau mereka menyuruh kita mengurangkan belanja mengurus dengan menurunkan gaji atau memberhentikan sebahagian daripada kakitangan Kerajaan. Ini telah mereka paksakan ke atas beberapa negara di Amerika Tengah dan Amerika Selatan. Jika kita tidak mahu tunduk kepada arahan mereka, maka mereka tidak akan memberi pinjaman lagi kepada kita. Jika kita tidak dapat berhutang, kita terpaksa mengurangkan belanja, termasuk belanja mengurus -- mungkin juga dengan mengurangkan gaji atau memberhentikan sebahagian daripada kakitangan Kerajaan.

14. Inilah masalah yang kita hadapi selagi kita tidak dapat mengeksport barangan kita dengan harga yang memberi keuntungan kepada kita. Kita tidak dapat lihat dalam jangkamasa yang pendek dan sederhana, atau short and medium term bahawa barangan utama kita akan pulih seperti dahulu. Justeru itu, kita perlu berusaha, pertamanya mengurangkan perbelanjaan, dan keduanya meningkatkan daya pengeluaran. Kita perlu berkorban sekarang untuk masa depan yang lebih baik. Sesuatu tindakan oleh mana-mana pihak yang akan mengganggu pemulihan ekonomi negara hanya akan melambatkan pemulihan pendapatan diri kita sendiri.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Masalah yang kita hadapi adalah masalah kita bersama. Ia bukan masalah Kerajaan atau masalah majikan atau masalah pihak swasta atau pekerja swasta. Semua kita terlibat dan bertanggungjawab dan kita harus bekerjasama. Sebab itu Kerajaan sanggup mendengar dan menimbang pendapat pekerja. Untuk ini, kita telah menubuhkan Majlis Bersama Kebangsaan dan Majlis Bersama Jabatan.

16. Saya berharap jentera ini digunakan sepenuhnya. Pada masa ini Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk mempergiatkan lagi perjalanan Majlis Bersama Jabatan di peringkat Jabatan dan mengadakan mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan dengan lebih kerap. Saya menganggap penubuhan Majlis Bersama Jabatan ini sebagai penting dan saya berharap semua Ketua-Ketua Jabatan mengambil pandangan yang sama supaya pendapat-pendapat pihak pekerja dapat digemblingkan sepenuhnya dalam usaha kita memperbaiki mutu perkhidmatan awam.

17. Dengan kelima-lima Majlis Bersama Kebangsaan aktif

semula dan lebih banyak lagi Majlis Bersama Jabatan ditubuhkan, kita berharap perhubungan antara Kerajaan dengan pekerja akan lebih rapat. Maka dengan itu masalah-masalah pihak pekerja akan dapat dikenal-pasti pada peringkat awal-awalnya supaya tindakan-tindakan sesuai dapat diambil untuk mengatasi masalah-masalah itu.

18. Saya telah difahamkan bahawa pada masa ini terdapat saranan daripada setengah-setengah pihak pekerja untuk menubuhkan satu Majlis Bersama Kebangsaan bagi keseluruhan perhidmatan awam. Dengan lain-lain perkataan, kelima-lima Majlis Bersama Kebangsaan yang ada pada masa ini akan disatukan menjadi Majlis Bersama Kebangsaan yang tunggal.

19. Sebenarnya keputusan Kerajaan menubuhkan lima Majlis Bersama Kebangsaan itu adalah dibuat setelah mengkaji dengan mendalam dan mengambilkira pendapat serta kehendak-kehendak daripada keseluruhan pihak pekerja sendiri. Kerajaan berpendapat bahawa kelima-lima Majlis Bersama Kebangsaan ini akan dapat menjadi saluran untuk dijadikan alat perhubungan antara pihak Kerajaan dengan pekerja bagi menentukan bahawa kehendak-kehendak pihak pekerja daripada berbilang sektor dan perkhidmatan awam dapat dipenuhi. Kerajaan menyedari bahawa terdapat banyak perbezaan kehendak di dalam berbagai sektor pekerja. Oleh yang demikian maka sewajarnya ditubuhkan lima Majlis Bersama Kebangsaan bagi memenuhi kehendak-kehendak tersebut. Walau bagaimanapun untuk rundingan kepentingan bersama, kelima-lima Majlis ini bolehlah mengambil bahagian, yang mana ini akan bertindak hampir sama dengan Majlis Bersama Kebangsaan.

20. Saya sedar bahawa daripada segi bidang tugas dan fungsi Majlis Bersama Kebangsaan yang ada sekarang hanya bersifat sebagai satu saluran di mana pihak pekerja boleh memberi pendapat-pendapat untuk Kerajaan menimbangkannya. Agaknya, sebab itulah sekarang ini tuan-tuan dan puan-puan ingin mendapatkan hak berunding seperti di sektor swasta. Berhubung dengan perkara ini, sektor awam tidaklah boleh disamakan dengan sektor swasta. Kerajaan bukan satu syarikat untuk mencari keuntungan bagi beberapa orang yang memilikinya. Kerajaan ditubuhkan untuk memelihara kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya. Jika Kerajaan terhalang daripada meneruskan pentadbiran negara, maka yang akan menderita dan mengalami kerugian ialah rakyat dan negara. Dan mereka yang menghalang adalah juga rakyat yang akan rugi apabila negara rugi, sekurang-kurangnya dalam jangka panjang.

21. Jika tawar menawar dibenarkan di dalam jentera perundingan Kerajaan, maka Kerajaan akan terpaksa berdepan dengan kesatuan-kesatuan sekerja dan ketegangan akan berlaku. Dalam zaman moden ini perhubungan antara majikan dengan pekerja sepatutnya merupakan perhubungan antara dua rakan atau partners. Kerajaan yang sentiasa diugut atau diserang oleh tindakan-tindakan perusahaan tidak akan dapat menjadi Kerajaan yang berkesan. Tanpa Kerajaan yang berkewibawaan dan berkesan, bermacam-macam perkara yang

tidak diingini, termasuk tergugatnya keselamatan rakyat dan negara akan berlaku.

22. Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa jentera yang ada sekarang ini boleh kita praktikkan demi kepentingan kita bersama, dengan syarat kita sama-sama jujur di dalam memainkan peranan kita masing-masing. Tuan-tuan dan puan-puan mempunyai peranan yang tersendiri dan Kerajaan juga mempunyai peranannya di dalam usaha kita bersama-sama mencorakkan arah pembangunan negara yang kita cintai ini.

23. Saya meminta maaf kerana terpaksa berterus-terang dalam ucapan ini. Keadaan ekonomi negara dan pendapatan Kerajaan tidak mengizinkan saya mencari populariti dengan membayangkan sesuatu yang tidak mungkin. Jika kita ingin memulihkan ekonomi negara ini, kita perlu membulatkan tenaga untuk menjayakan rancangan kita. Jika kita khayal dan asyik dengan sikap dan tindakan seolah-olah keadaan adalah seperti dahulu, maka yang akan menjadi mangsa yang sebenarnya ialah kita semua.

Tuan-tuan dan puan-puan,

24. Tahun ini CUEPACS akan memilih kepimpinannya yang baru. Saya ingin menyatakan di sini bahawa Kerajaan sanggup dan akan bekerjasama dengan CUEPACS sebagai gabungan kesatuan sekerja. Kerajaan juga berharap satu jalinan perhubungan dapat dipupuk berasaskan kepada perkongsian antara pihak pekerja dengan Kerajaan.

25. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada CUEPACS kerana menjemput saya ke majlis ini. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Perwakilan CUEPACS Ke-17 ini.
Terima kasih.